

# Buku skrap online: Pendidikan al-quran dan as-sunnah

-Tingkatan 5

-Tahun 2021

**NAMA:** NAJWA FARIZA BINTI AHMAD NAJIB

**KELAS:** 5 KHALDUN

**TAJUK:** TANGGUNGJAWAB INDIVIDU ISLAM (PENGAJIAAN AL-HADIS)

**NAMA GURU:** USTAZ KHALED BIN MAT

## ISI KANDUNGAN:

1. MAKSUD HADIS
2. PENGERTIAN TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH
3. KEWAJIPAN MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB
4. KEWAJIPAN MENUNAIKAN AMANAH
5. PERINGKAT-PERINGKAT TANGGUNGJAWAB
6. KELEBIHAN BERSIFAT AMANAH DAN KEBURUKAN BERSIFAT KHIANAT
7. USAHA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA DIBERI TANGGUNGJAWAB
8. PENGAJARAN HADIS

# MAKSUD HADIS

## MAKSUDNYA:

DARI ABDULLAH R.A , RASULULLAH S.A.W BERSABDA : KETAHUILAH SETIAP KAMU ADALAH PEMIMPIN DAN SETIAP KAMU BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEPIMPINANMU . SEORANG AMIR YANG MENGURUSKAN KEADAAN RAKYAT ADALAH PEMIMPIN DAN DIA AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS RAKYATNYA . SEORANG LELAKI ADALAH PEMIMPIN TERHADAP KELUARGANYA DI RUMAH . SEORANG WANITA ADALAH PEMIMPIN KE ATAS RUMAH SUAMINYA DAN ANAK-ANAKNYA . SEORANG HAMBA ADALAH PEMIMPIN TERHADAP HARTA BENDA TUANNYA . KETAHUILAH SETIAP KAMU ADALAH PEMIMPIN DAN SETIAP KAMU BERTANGGUNGJAWAB ATAS KEPIMPINANMU .

# PENGERTIAN TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH

- *TANGGUNGJAWAB: SESUATU KEWAJIPAN YANG HARUS DIPIKUL OLEH SESEORANG.*
- *AMANAH: SESUATU YANG DISERAHKAN KEPADA SESEORANG YANG DIPERCAYAI UNTUK DIJAGA SEBAIKNYA.*
- *AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB SALING BERHUBUNG ANTARA SATU SAMA LAIN. KEHIDUPAN INDIVIDU DAN MASYARAKAT AKAN LEBIH TERATUR APABILA SEMUA PIHAK MENUNAIKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING DENGAN SEMPURNA.*
- *SEBAGAI CONTOH, SEORANG GURU BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENDIDIK MURID-MURID KERANA BELIAU DIBERI AMANAH DAN KEPERCAYAAN UNTUK MENGGALAS TUGAS TERSEBUT.*

# KEWAJIPAN MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB

- Tangunggjawab adalah amanah yang dipikul seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Allah berfirman: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”(An-Nisa’: 58).

- Menunaikan Amanah ialah melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya denganbaik . Mengabaikan Amanah dikira sebagai khianat.

Allah berfirman: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati  Allah dan rasul, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-Amanah yang dipercayakan kepada kamu, padahal kamu mengetahui” (Al-Anfal:27)

- Orang yang sempurna keimanan ialah mereka yang memiliki sifat Amanah.

Dalam satu hadith yang bermaksud :Dari Ibn Umar R.A katanya RasulullahS.A.W bersabda: Tidak beriman orang yang tidak beramanah.

- Khianat adalah punca berlakunya perkara-perkara buruk dalam masyarakat.

Daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda : Apabila Amanah disia-siakan tunggulah saatnya (kehancurannya) , sahabat bertanya: bagaimana amanah itu disia-siakan? Jawab baginda : Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada orang yang tidak berkelayakan, tunggulah saat kehancuran.



# PERINGKAT-PERINGKAT TANGGUNGJAWAB.

1. TANGGUNGJAWAB TERHADAP DIRI SENDIRI.

2. TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN TERHADAP RAKYAT.

3. TANGGUNGJAWAB SUAMI TERHADAP KELUARGA.

4. TANGGUNGJAWAB ISTERI TERHADAP SUAMI DAN ANAK.

5. TANGGUNGJAWAB PEKERJA TERHADAP MAJIKAN.

# DIRI SENDIRI

SESEORANG MUSLIM PERLU MEMBERIKAN HAK-HAK BERIKUT TERHADAP DIRI SENDIRI:

A. HAK AKAL
B. HAK ROH
C. HAK NAFSU
D. HAK JASMANI

Pemimpin Diperingkat tinggi seperti pemimpin masyarakat atau pemimpin negara . Pemimpin yang Amanah dikasihi oleh Allah . Inilah yang dikatakan ***"Kepimpinan Teladan"*** .

TANGGUNGJAWAB:

1 -MENJAGA KEBAJIKAN RAKYAT.
2 –MEMELIHARA KEAMANAN NEGARA.
3 –MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG.
4 –MEMIMPIN RAKYAT KEJALAN YANG DIREDHAI ALLAH.

# AL-AMIR

# AR-RAJUL

PEMIMPIN YANG MEMIMPIN DIPERINGKAT RENDAH SEPERTI BAPA ATAU SUAMI.



~TANGGUNGJAWAB SEBAGAI BAPA:

1. *MEMBERI BIMBINGAN AGAMA KEPADA ANAK-ANAK DAN ISTERI.*
2. *MEMBERI GALAKKAN DAN DORONGAN KEPADA ANAK-ANAK DAN ISTERI.*
3. *MENGAJAR DAN MENUNJUKKAN AKHLAK YANG BAIK DENGAN ANAK-ANAK DAN ISTERI.*

~TANGGUNGJAWAB SEBAGAI SUAMI:

1. *MEWUJUDKAN KEBAHAGIAAN DALAM KELUARGA.*
2. *BERTIMBANG RASA DAN PANDAI BERMESRA DENGAN ISTERI.*
3. *MENYUBURKAN KASIH SAYANG KEPADA ISTERI.*
4. *SALING BERTOLAK ANSUR DAN HORMAT MENGHORMATI ANTARA SUAMI DAN ISTERI.*

# AL-MAR'AH



IBU ATAU ISTERI YANG MEMBANTU BAPA ATAU SUAMI MEMIMPIN KELUARGA.

~TANGGUNGJAWAB SEBAGAI IBU:

1. *GURU YANG MENDIDIK DENGAN PENUH KASIH SAYANG.*
2. *MENJADI RAKAN KARIB KEPADA ANAK-ANAK.*
3. *BIJAK MEMBAHAGI MASA UNTUK TUGAS DI RUMAH DAN ANAK-ANAK.*

~TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ISTERI:

1. *MENTAATI SUAMI SELAGI TIDAK MELANGGAR PERINTAH ALLAH.*
2. *MENJAGA KEHORMATAN DIRI DAN SUAMI DI DALAM DAN LUAR RUMAH.*
3. *MENGURUSKAN RUMAH TANGGA DAN HARTA BENDA SUAMI TERUTAMANYA KETIKA KETIADAANNYA.*

# AL-ABDU

PEKERJA YANG DIAMANAHKAN OLEH MAJIKAN DENGAN TANGGUNGJAWAB TERTENTU.



~TANGGUNGJAWAB:

1. *MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN CERMAT DAN JUJUR.*
2. *AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB.*
3. *MEMATUHI PERATURAN DAN PERINTAH.*

**KELEBIHAN BERSIFAT AMANAH.**

1. *Menunjukkan kesempurnaan iman seseorang.*
2. *Akan Dihormati oleh masyarakat.*
3. *Menjadikan masyarakat harmoni dan saling percaya-mempercayai.*
4. *Boleh menyumbang kepada kemajuan negara.*
5. *Menjadikan seseorang lebih produktif dalam kerjayanya kerana menganggap tugasan yang diberikan kepadanya sebagai Amanah.*

**KEBURUKAN BERSIFAT KHIANAT.**

1. *Menunjukkan orang yang tidak sempurna imannya*
2. *Tidak Dihormati dan tidak dipercayai oleh masyarakat*
3. *Punca kepada rasuah , penyelewengan kuasa dan penindasan*
4. *Membantut kemajuan negara*
5. *Menjadikan seseorang pemalas , tidak produktif dan sentiasa mengelak daripada tugas yang dibebankan*

## PENGAJARAN HADIS

1. ***Sifat amanah lambing kesempurnaan iman.***
2. ***Memimpin manusia merupakan amanah yang besar.***

## USAHA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA DIBERI TANGGUNGJAWAB

*INDIVIDU:*

1. MENCONTOHI KEPIMPINAN RASULULLAH SERTA PARA SAHABAT.
2. MENJAUHI RASUAH DAN PECAH AMANAH KERANA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PERIBADI.

*MASYARAKAT:*

1. MENGANJURKAN PROGRAM YANG MEMBENTUK SIKAP TANGGUNGJAWAB SOSIAL DALAM MASYARAKAT.
2. MASYARAKAT DAN BADAN BUKAN KERAJAAN PERLU MEMBINA HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN BARISAN KEPIMPINAN.

*NEGARA:*

1. MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN RAKYAT TANPA MENGIRA KEDUDUKAN DAN STATUS DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT.
2. BERPEGANG TEGUH DENGAN PRINSIP PENTADBIRAN ISLAM YANG BERLANDASKAN SYARA’.

# SEKIAN TERIMA KASIH

